

Menangani taburan

B.H. - 9 DEC 1992

ekonomi dengan betul

DISIARKAN sedutan rancangan 'Bersama Perdana Menteri' yang disiarkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam tadi. Dalam rancangan itu **Perdana Menteri** diwawancara oleh Ketua Pengarang Sin Chew Jit Poh, C C Liew; Pengarang Kumpulan Berita Harlan, Ahmad Nazri Abdullah dan Pengarang Kumpulan Berita Publishing, Ahmad Rejai Arbee. Ketua Pengarah Penyiaran, Datuk Jaafar Kamin menjadi penerusi.

CC LIEW: Banyak dikatakan mengenai keadaan ekonomi dunia sekarang menghadapi kemelesetan. Dalam keadaan ini Malaysia adalah salah satu negara yang berjaya mencatat pertumbuhan ekonomi yang amat tinggi. Apakah pandangan Datuk Seri mengenai cabaran yang akan dihadapi oleh Malaysia dalam menghadapi tekanan kemelesetan ekonomi dunia ini?

Memang benar kalau dibuat bandingan, ekonomi Malaysia masih kukuh, masih tumbuh dengan baik. Tetapi kemelesetan ekonomi ini bergantung kepada dagangan dengan negara-negara asing. Sudah tentu kalau negara yang menjadi rakan dagangan kita tidak kukuh ekonomi mereka maka kesan daripada itu akan dirasakan oleh Malaysia. Sebab itu kita harus berhati-hati dalam perkara ini dan harus memberi tumpuan kepada segala aspek ekonomi negara dan tidak menganggap bahawa pertumbuhan ini akan berkekalan tanpa usaha. Saya tidak kata ia tidak boleh

ekonomi merosot mereka masih mengadakan mogok dan ini tetap akan menjejaskan bekalan dan akan menyebabkan kenaikan harga. Ada juga negara-negara di Eropah yang menetapkan tangga gaji yang terlalu tinggi sehingga barangan mereka tidak boleh bersaing dalam pasaran dunia. Jadi dengan tindakan-tindakan yang semacam inilah, maka ekonomi akan terjejas.

Pendek kata kita harus yang pertamanya, tentukan keadaan politik negara kita ini stabil. Yang kedua, kita harus beri perhatian kepada segala aspek pengurusan ekonomi yang tidak baik, walaupun dalam jangka pendek membawa keuntungan tetapi untuk jangka panjang boleh membawa keburukan kepada ekonomi negara. Jadi kedua-dua perkara ini harus kita beri tumpuan.

Ahmad Nazri: Usaha datuk meluaskan rakan perdagangan negara adalah satu langkah menjamin pertumbuhan ekonomi negara kita.

Kita harus bendung sedikit kemahuan kita. Walaupun mudah dan mampu, kita harus berhati-hati dalam perbelanjaan, baik kerajaan, mahu pun rakyat. Kerajaan saja tidak mencukupi. Rakyat mestilah berjaga-jaga supaya tidak boros

menirikan empayar di seluruh dunia tetapi akhirnya merosot. Sebabnya ialah kerana mereka sudah berasa seolah-olah tidak perlu berusaha.

Dengan itu kita harus memperingati diri kita ia itu walaupun keadaan sekarang baik tetapi kita harus menitikberatkan perkara yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi kita. Umpamanya, kita berpendapat bahawa oleh kerana kita sudah ada banyak duit maka kita boleh membeli apa saja. Import apa saja barang kerana kita mempunyai duit yang banyak. Dengan itu dengan sendirinya akan menjejaskan pertukaran asing kita. Banyak wang kita akan mengalir ke luar negeri.

kalan bahan yang hendak dia jual.

Maka dengan itu wang itu bertukar tangan. Tiap kali ia bertukar tangan, bererti ada orang yang berbelanja dan ada orang yang menerima. Jadi rakyat mesti faham konsep ini. Walaupun kita suruh menyimpan tetapi dengan cara wang itu boleh dijadikan modal untuk pelaburan. Kalau kita belanja pun, ia tidak merugikan masyarakat kerana bila kita berbelanja, orang lain mendapat keuntungan. Tetapi kalau kita berbelanja untuk membeli barang dari luar negeri, maka duit itu mengalir ke luar negeri. Jadi setakat yang boleh, kita bendunglah pengaliran ini. Kita hendak supaya

macam kita. Bila dapat duit dibelanjakan dan bukan dilabur atau untuk masa depan. Apakah usaha kerajaan supaya sikap orang sebegini dapat memahami sebenarnya fungsi wang?

Jaafar Kamin: Bukan orang kampung sahaja. Orang bandar pun ada juga yang hanya membeli.

Ya, benar apa yang dikatakan. Orang bandar pun macam itu kerana orang bandar kebanyakannya bekerja makan gaji. Orang yang bekerja makan gaji, semua yang dia terima itu adalah untung. Dia boleh belanjakan semua itu kerana dia tidak perlu melabur. Pelaburan dia ialah kerja dia, yang dia beri sebagai

Tetapi kadang-kadang mereka lebih berminat dengan politik, tidak berminat dengan soal-soal pengguna. Kalau mereka menumpukan kepada soal pengguna dan mengadakan kempen tidak membeli barang yang harganya tidak berpatutan, saya yakin kita dapat membendung inflasi dalam negara kita. Rakyat juga akan dapat nikmat yang banyak kerana dengan wang yang ada pada mereka, mereka boleh membeli lebih banyak barang. Jadi rakyat mendapat keuntungan daripada peranan mereka dalam membendung inflasi.

Ahmad Rejai: Persatuan pengguna di Malaysia tidak memainkan fungsi mereka?

Mereka memainkan fungsi mereka. Tetapi kadang-kadang mereka berminat untuk berpolitik, membuat tekanan, atau sengaja menumpukan kepada kesalahan kerajaan, kesalahan pihak lain, dan macam-macam lagi yang menjadi perkara popular. Kalau Persatuan Pengguna menumpukan perhatian kepada masalah pengguna, mereka boleh mengambil bermacam-macam tindakan yang menguntungkan pengguna.

Saya yakin kita boleh mendapat manfaat daripada persatuan pengguna. Manfaat di segi membendung inflasi ke-

dikekalkan. Ia boleh dikedalkan tetapi usaha dan sikap kita mestilah sesuai dengan pengurusan pertumbuhan ekonomi. Jadi walaupun ekonomi dunia merosot masih ada kemungkinan Malaysia terus dengan pembangunan yang pesat.

Ahmad Rejal: Apakah keistimewaan yang ada pada kita yang membolehkan kita mengharungi arus kemelesetan ekonomi dengan jaya?

Perkara yang pertama sekali ialah kestabilan politik. Kalau keadaan politik tidak stabil, maka ia tetap akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Yang keduanya ialah sikap kita, rancangan kita. Kalau kita tidak mengamalkan kesan-kesan daripada tindakan yang diambil oleh kita maka sudah tentu ekonomi kita akan terjejas. Umpamanya di negara-negara Eropah. Walaupun mereka menghadapi ekonomi yang merosot, mereka masih sanggup mengambil tindakan yang memburukkan keadaan. Di sebuah negara Barat, dalam keadaan

Bagaimanapun dalam suasana ekonomi dunia yang agak muram, blok perdagangan mungkin secara tidak langsung menjejaskan pertumbuhan ekonomi kita. Barangkali Datuk Seri mempunyai idea lain bagaimana kita hendak mengekalkan kadar pertumbuhan ini.

Salah satu daripada caranya ialah memperluaskan pasaran kita. Kita bermula dahulu dengan pasaran yang terhad. Orang Malaysia berniaga dengan rakan tradisional seperti United Kingdom, umpamanya, ataupun dengan Singapura. Jadi dengan itu kita tertakluk kepada kemampuan mereka ataupun pencapaian mereka dalam bidang ekonomi. Kalau kita dapat agihkan pasaran ke seluruh dunia maka walaupun kemerosotan berlaku tetapi pasaran menjadi lebih besar. Dan ada kemungkinan apabila sesuatu pasaran itu sudah merosot pasaran yang lain masih sihat. Jadi dengan itu kita 'hedge' iaitu kita tentukan kalau sesuatu itu tidak baik kita ada tempat lain yang boleh membantu kita.

Itulah sebabnya kita sengaja berusaha membuka pasaran baru dan kita tahu bahawa pasaran baru ini walaupun kecil bagi satu-satu negeri tetapi bila dijumlahkan menjadi lebih besar. Jadi dengan cara ini kita sudah berusaha mengambil kira kemungkinan kemerosotan ekonomi di dalam pasaran tradisional. Ini yang kita cuba buat sekarang. Dan, ada banyak

Sebab itu kita harus bendung sedikit kemahuan kita. Walaupun mudah, walaupun mampu, kita harus berhati-hati dalam perbelanjaan kita, baik kerajaan, baik rakyat. Kerajaan saja tidak incukupi. Rakyat sendiri mestilah berjaga-jaga supaya tidak boros dalam keadaan mewah. Kalau ada sikap yang semacam itu saya berpendapat bahawa kita tidak akan mengalami kemerosotan yang sering berlaku kepada negara yang terlalu maju.

Jaafar Kamlin: Fasal wang. Ada juga faedah untuk menyimpan, ada juga faedah untuk berbelanja, baik di segi perseorangan, bank ataupun badan perusahaan. Apakah pandangan Datuk Seri mengenai perkara ini kerana kerajaan memang sudah membuat beberapa peraturan dan panduan tetapi reaksi daripada orang ramai, peniaga, bank dan seumpamanya bagaimana?

Kita perlu faham mengenai fungsi wang. Ramai yang berkata kita harus simpan wang. Dan ini adalah baik kalau kita simpan, kita tabungkan wang. Tetapi wang yang ditabungkan tidak mendatangkan kebaikan melainkan wang itu dilabur dalam sesuatu usaha yang boleh meningkatkan produktiviti dan menambah wang di segi keuntungan. Jadi walaupun kita desak supaya kita tabungkan wang kita, kita simpan wang kita tetapi wang yang disimpan itu mestilah disimpan dengan cara

kita berbelanja di dalam negeri.

Kita harus berbelanja. Kalau ada orang membuka restoran dan kita tidak makan di situ, dia akan bankrap. Masyarakat akan rugi, bukan dia seorang saja yang rugi. Ramai orang memandang wang sebagai satu kemudahan. Tetapi wang juga boleh digunakan untuk meningkatkan kekayaan. Wang adalah modal. Kadang-kadang sesetengah masyarakat tidak faham fungsi wang sebagai modal. cuma faham fun&i wang sebagai alat untuk pertukaran barang.

Ahmad Nazri: Datuk Seri mengingatkan bukan sahaja melihat wang sebagai modal. Dalam pengiraan kos, itu kadang-kadang tidak tepat. Contohnya seorang penanam padi. Mungkin ini dia mendapat hasil padi yang tinggi. Dia menjualnya dan mendapat dua ribu berbanding muslim lalu seribu lima ratus. Tetapi kosnya tidak termasuk 'labour cost'. Jadi dia nampak pendapatannya tinggi dan dia berbelanja lebih banyak.

Kadang-kadang ada masyarakat yang belum faham mengenai wang. (Mereka) masih menganggup wang sebagai satu kemudahan semata-mata tetapi bukan sebagai satu modal untuk menambah harta atau menambah kekayaan. Sebab itu kadang-kadang kalau kita bercakap dengan penanam padi dan bertanya apa pendapatannya pada tahun ini, dia berkata: "saya dapat dua ribu ring-

khidmat. Daripada khidmat itu dia mendapat gaji dan semua itu dia boleh belanjakan. Kalau dia dapat RM10,000 dia boleh belanja RM10,000. Tetapi penanam padi tidak boleh belanja semua. Dia kena ada modal untuk dilaburkan.

Kerajaan cuba meringankan perkara ini kepada seluruh rakyat. Kalau rakyat faham fungsi wang ini, dan cara-cara mengaunakan wang dengan bijaksana, saya yakin ini boleh membantu ekonomi negara. Ada yang berpendapat bahawa kerajaan hanya perlu menaikkan faedah bank dan dengan itu ekonomi akan menjadi baik. Ini tidak betul. Kita tidak boleh memperbaiki ekonomi hanya dengan menaikkan faedah ataupun menurunkan faedah.

Demikian juga sesetengah negara bila menghadapi masalah ekonomi menurunkan nilai mata wangnya. Kononnya dengan cara ini semua barang menjadi murah. Itu tidak benar. Juga tidak benar dengan menaikkan nilai matawang. Yang penting untuk menjaga ekonomi negara ialah produktiviti. Kalau kita dapat dengan menggunakan wang yang sama mengeluarkan bahan yang lebih iaitu meningkatkan produktiviti, maka dengan itu ekonomi dapat menjadi baik. Inilah yang dicubakan oleh kerajaan. Sebab itulah kita selalu menyebutkan mengenai produktiviti kerana ia penting untuk pertumbuhan ekonomi negara.

rana inflasi merugikan kita. Ada sesetengah negara bila menghadapi inflasi dengan automatik menaikkan gaji, kononnya hendak mengatasi kenaikan harga barang. Bila aaji dinaikkan, harga barang turun naik. Ini kerana penjual mempunyai pekerja yang perlu dibayar gaji. Kerana penjual pun membayar gaji lebih, maka harga barang pun naik. Bila harga barang naik, gaji dinaikkan sekali lagi dan harga barang turut naik lagi. Dengan itu berlakulah 'wage price spiral' yang tidak dapat dihentikan. Sebab itu kita harus membendung 'tendency' yang semacam ini.

Ahmad Nazri: Apakah kita boleh mengharapkan kesatuan sekerja di Malaysia melihat fungsi mereka membendung inflasi ini sebagai satu perkara yang utama?

Antara kesatuan sekerja dengan sesetengah pemimpin kesatuan sekerja ada konflik. Sementara kesatuan sekerja ingin menentukan pekerja dapat upah yang boleh menaikkan taraf hidup mereka, pemimpin pula ingin menentukan dianya kekal sebagai pemimpin. Dan untuk kekal sebagai pemimpin dia hendak jadi popular. Bila dia hen jadi popular caray mudah sekali ialah a desak supaya ahli-ahlinya mendapat gaji yang tinggi. Dan ahli-ahlinya pula berpendapat bahawa ini adalah pemimpin yang baik kerana dia selalu mendesak supaya mereka mendapat gaji yang tinggi.

lagi iangkah yang kita ambil termasuk melabur di negara-negara ini dengan tujuan melalui pelaburan itu kita dawat membekal bahan mentah kita kepada pelaburan kita itu.

Dengan itu kita dapat menjual. Umpamanya kalau kita mengadakan satu kilang penapis minyak kelapa sawit di sebuah negara, kita boleh bekalkan kelapa sawit ke negara itu. Jika tidak, mungkin mereka tidak akan membeli daripada kita. Jadi itu satu cara ataupun kita mengadakan perusahaan yang berasaskan kayu yang kita keluarkan atau bahan mentah lain yang ada pada kita.

Ahmad Rejal: Sejak kemelesetan 1985/1986, ekonomi kita berkembang dengan pesat. Apakah ini tidak ada kesannya? Dan, apakah yang boleh rakyat sendiri buat untuk membantu supaya perkembangan itu berterusan dan memberi manfaat kepada semua?

Biasanya kalau seseorang itu hidu mewah dia akan menjadi agak terlalu leka dengan anggapan bahawa kemewahannya akan berterusan. Jadi dia mungkin tidak akan berusaha. Jadi kalau negara kita sudah berjaya, mewah, rakyat akan berasa ini adalah perkara biasa dan tidak akan terkejut walaupun apa yang kita lakukan. Ini satu perkara yang harus kita perhatikan dan kita ambil berat. Kalau kita kaji sejarah, kita dapati ada negara yang menjadi begitu maju sehingga dapat

ia boleh digunakan untuk sesuatu yang produktif ia itu dilabur dalam sesuatu perusahaan, perniagaan ataupun apa-apa. Kalau wang itu disimpan sahaja, umpamanya, kalau kita simpan dalam bantal, setahun, dua tahun, sepuluh tahun, seratus tahun, wang itu akan merosot nilainya. Sebaliknya kalau kita simpan di dalam bank, bank pula memberi pinjaman wang itu kepada peniaga dan pengusaha dan peniaga dan pengusaha ini akan membayar faedah kepada bank atau memberi keuntungan kepada bank. Dengan cara itu wang akan meningkat jumlahnya.

Jadi walaupun matawang biasanya merosot nilainya tetapi keuntungan itu mungkin lebih daripada kemerosotan. Jadi bila kita kata kita mesti simpan wang tidak bermakna menyimoan dalam petibesi sehingga kita tidak menggunakannya. Kita hendaklah menyimpan wang itu supaya menjadi modal perniagaan. Lebih cepat wang itu bertukar tangan, lebih baik lagi ekonomi sesebuah negara. Kalau kita mempunyai satu ringgit wang pagi ini kita belanja untuk membeli ikan, orang yang menjual ikan itu akan mendapat keuntungan. Dan apabila dia pula membeli ikan dan barang-barang lain, orang lain pula mendapat keuntungan dan orang yang mendapat keuntungan ini juga berbelanja untuk rambutnya ataupun untuk membeli sesuatu atau be-

git". Bermakna bahawa dia menjual padanya dengan harga dua ribu ringgit dan dia anggap dua ribu itu sebagai pendapatannya. Sebenarnya tidak. Sepatutnya dia tolak belanja untuk baja dan usahanya sendiri. Barangkali dia cuma untung dua ratus atau tiga ratus ringgit sahaja. Dia kena mencari modal lain pula untuk menanam sekali lagi. Itu sebabnya kadang-kadang masyarakat yang tidak faham fungsi wang sukar untuk mencapai kekayaan. Inikita perlu terangkan kepada rakyat peranan wang sebagai modal dan fungsi wang sebagai kemudahan.

Satu lagi perkara kalau boleh saya jelaskan sedikit. Sesetengah orang cuma tahu membeli sahaja. Tetapi penjual sedar bahawa bukan semua wang yang dia dapat itu adalah keuntungannya atau haknya kerana sebahagian daripada wang itu perlu digunakan untuk membeli bekalan yang baru. Kalau dia tidak membeli bekalan yang baru maka dia tidak boleh meneruskan perniagaannya. Bagi dia, yang dia untung cuma sedikit sahaja.

Sudah tentu di antara penjual dengan pembeli, yang lebih bijak di segi pengurusan kewangan ialah penjual bukan pembeli. Jadi kita kena tukar 'mentality' sesetengah orang kita supaya dia faham kegunaan wang sebagai modal.

Ahmad Rejal: Kebanyakan orang kampung berfikir se-

Ahmad Nazri: Kebanyakan menganggap kerajaan sahaja yang patut mengawal inflasi dan pengguna tidak payah. Saya ingat pengawalan inflasi ini adalah tanggungjawab semua, termasuk agensi kerajaan dan kesatuan sekerja.

Dalam mengawal inflasi kerajaan mempunyai fungsi. Pembeli atau konsumer juga mempunyai fungsi. Kita tidak boleh menyerahkan kepada 'market forces', iaitu pengguna kalau dia berasa harga itu mahal maka dia tidak akan membeli. Kadang-kadang pengguna walaupun mahal dia beli juga. Ada juga terpaksa, maka dia membeli juga. Sebab itu kerajaan mengambil tindakan untuk memeriksa tiap-tiap kedai bagi menentukan sama ada harga barang diturunkan ataupun tidak setelah dikurangkan cukai. Biasanya pekedai ada sahaja alasan. Bila cukai diturunkan dia terus menjual pada harga lama. Bila cukai naik, dia menaikkan harga dengan sertamerta, walaupun barang yang dijual itu sudah lama dibeli.

Dalam keadaan yang semacam ini kerajaan mempunyai tanggungjawab. Tetapi kita tidak boleh menafikan bahawa pengguna mesti memainkan tanggungjawab mereka, 'boikot' kalau perlu dan jangan membeli barang yang terlalu tinggi harganya. Dalam perkara ini, saya berpendapat persatuan pengguna ini cukup berguna.

Tetapi kalau didalami kesannya, kita menuntut gaji yang tinggi, gaji naik, maka kos apa juga yang kita keluarkan meningkat. Bagi Malaysia yang berniaga di seluruh dunia, pasaran kita akan terbantu kalau barangan kita terlalu mahal kerana kos pengeluaran kita dan gaji kita terlalu mahal. Dengan itu barang kita akan naik harga dan tidak boleh bersaing di luar negeri.

Akhirnya kita akan menerima kesan buruk kalau barang yang kita buat tidak boleh dijual. Sebab itu negara yang bersaing dengan kita sekarang tidak mampu bersaing dengan Malaysia kerana kos kita rendah dan gaji kita rendah. Jadi kesatuan sekerja mereka mendesak supaya kita menaikkan gaji; kononnya kerana mereka sayang kepada pekerja kita yang kononnya dianiaya. Sebenarnya mereka bukan memikirkan mengenai pekerja kita. Mereka memikirkan kepentingan diri mereka. Kalau mereka boleh menaikkan kos pengeluaran kita, maka barangan mereka boleh dijual dan bersaing dengan barangan kita. Sebab itu mereka selalu mendesak kesatuan sekerja kita supaya membuat tuntutan, mengadakan 'work-to-rule' dan bermacam-macam lagi, supaya 'industrial peace' kita tidak tercapai lebih-lebih lagi

LIHAT MUKA 11

Kerajaan tentukan kos di Malaysia tidak naik

B.H - 9 DEC 1992

DARI MUKA 10

kalau politik kita tidak stabil. Maka dengan itu kita tidak mampu lagi bersaing dengan mereka. Dan dengan itu mereka dapat menguasai pasaran dan merekalah mendapat keuntungan, dan kita akan terus menjadi negara pengeluar bahan mentah yang mereka tidak mempunyai. Umpamanya di Eropah mereka tidak boleh menanam pokok getah. Kita boleh menanam pokok getah. Jadi tidak ada saingan di antara kita dengan mereka. Itu pun mereka buat getah tiruan. Tetapi dalam bidang barang buatan mereka juga boleh mengeluarkan barang buatan. Kita juga boleh mengeluarkan barang buatan. Tetapi kos mereka tinggi kerana gaji mereka terlalu tinggi. Kita boleh bersaing dengan mereka dalam pasaran terbuka kerana kos kita rendah. Jadi mereka akan cuba supaya kos kita meningkat dan cara yang mudah sekali bagi kesatuan sekerja mereka ialah menyucuk kesatuan sekerja kita supaya meminta gaji lebih, mengadakan mogok, jangan mengadakan 'industrial peace', dan membuat keadaan politik tidak stabil. Dengan itu mereka akan untung dan kita akan rugi.

Ahmad Rejal: Baru-baru ini Jepun menghadapi keadaan meleset. Kesatuan sekerjanya sendiri meminta gaji pekerjaannya dikurangkan. Apakah boleh kita mengharap kesatuan sekerja kita bersikap seperti kesatuan sekerja di Jepun?

Sebenarnya kepentingan pekerjamesti diambil kira. Tetapi kepentingan pekerja tidak semestinya bermakna menaikkan gaji. Kalau kita naikkan gaji sehingga kita tidak boleh mengeluarkan barangan yang dapat bersaing di negara asing, akhirnya industri itu akan tutup dan semua pekerja akan menganggur. Ini bermakna kepentingan pekerja terjejas. Yang kita hendak ialah supaya kepentingan pekerja dijaga.

Kalaupun hendak naik gaji boleh dinaikkan tetapi produktiviti mestilah tinggi. Kalau dengan gaji RM1,000.00 dia dapat mengeluarkan 100 unit barangan dan apabila gajinya dinaikkan kepada RM1,500.00 barangan yang dikeluarkan ialah 200 unit, ini bermakna bahawa produktiviti sudah meningkat lebih daripada kos gaji yang dibayar. Tetapi bila dituntut kenaikan gaji dan pengeluaran berkurang-

gan, ini akan menjadikan kita tidak kompetitif. Kalau kita tidak kompetitif, industri kita mungkin gagal, rugi, ditutup dan para pekerja kita akan menganggur.

Ini bermakna kepentingan pekerja bukan semata-mata menaikkan gaji mereka tetapi juga kepentingan mereka terletak kepada masa depan syarikat mereka. Itulah sebabnya kerajaan menjaga supaya kos di Malaysia ini tidak naik. Ianya kerana kepentingan pekerja. Sebab apakah orang asing datang melabur di Malaysia? Sebabnya ialah kerana kita jaga kos kita tidak naik dan gaji tidak naik terlalu mendadak. Dengan itu orang akan melabur dan sebab itulah hari ini hampir tidak ada pengangguran, cuma empat peratus sahaja berbanding Australia, umpamanya, 11 peratus. Ada sesetengah negara di Eropah, kadar penganggurannya 20 peratus. Tetapi di Malaysia empat peratus sahaja dan ada orang yang tidak hendak bekerja. Jadi orang asing datang ke Malaysia untuk mencari kerja kerana kita wujudkan peluang pekerjaan dengan menjaga paras gaji yang berpatutan.

Bersambung esok